



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	9/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 21
JABATAN	:	MAFI		

Isu pekebum durian ceroboh hutan simpan kekal

BH 9 Jul
2021_21



Che Abdullah (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan peruntukan dan bakul makanan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) di Tumpat, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Eksport Musang King tidak terjejas

Ramai lagi pengusaha mampu penuhi permintaan

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: Isu pekebum durian Musang King di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan dan mengganggu permintaan serta eksport buah itu ke negara luar kerana masih ramai lagi individu mengusahakan tanaman berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata isu yang sedang dalam siasatan

pihak berkuasa itu juga tidak menjejaskan pengusaha durian Musang King yang lain.

"Durian Musang King memang menerima banyak permintaan dari luar negara, namun bukan ladang itu (Raub) saja yang mengeluarkan, tapi ramai lagi pengusaha ladang lain.

"Ia juga boleh dieksport, malah mereka (pengusaha ladang lain) patuhi peraturan dan isu terbabit tidak menjejaskan usahawan Musang King lain," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Che Abdullah turut menafikan beliau mempertahankan pengusaha ladang Musang King di Raub, termasuk kenyataannya sebelum ini yang mencadangkan supaya menunggu buah durian di kawasan itu gugur terlebih dulu, sebelum tindakan lanjut diambil terhadap pokok durian terbabit.

"Kenyataan itu disalah faham. Isu pencerobohan hutan simpan kekal adalah satu isu yang berlarutan, sekali gus kita (kementerian) tidak menghalang pihak berkuasa menjalankan tindakan lanjut.

"Tak kan kita nak halang penjawat awam menjalankan kerja sebab itu tugas masing-masing dan ia di bawah keputusan pihak berkuasa," katanya.

BH sebelum ini melaporkan, polis menggerakkan Pasukan Gerakan Am (PGA) ke Raub bagi menjaga ketenteraman awam di daerah itu berikutan kekecohan membabitkan pekebum durian dan anggota penguat kuasa.

Operasi memusnahkan kebun haram durian Musang King di dalam Hutan Simpan Batu Talam bermula Ahad hingga 2 Ogos ini membabitkan pelbagai agensi kerajaan termasuk polis.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia